

HADIS 33

قال: ((لو يعطى الناس بدعواهم لادعى عن ابن عباس رضي الله عنهما أن رسول الله رجال أموال قوم ودماءهم، لكن البينة على المدعي، واليمين على من أنكر)) حديث حسن رواه البيهقي وغيره هكذا وبعضه في الصحيحين.

Hadis ini hadis hasan diriwayatkan oleh al-Imam al-Baihaqie dan lain-lain sedemikian dan sebahagiannya terdapat dalam kitab sahih Bukhari dan Muslim.

Daripada Ibnu 'Abbas r.a.(رضي الله عنهما) bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

Sekiranya manusia diberikan setiap tuntutan dan dakwaan mereka, nescaya ramai orang akan menuntut harta dan darah kaum lain (iaitu menuntut bunuh balas), akan tetapi mestilah tuntutan itu terbukti keterangan bagi pihak yang mendakwa dan sumpah bagi orang yang tidak mengaku.

Pengajaran hadis:

(1) Hadis ini menerangkan sikap dan tabiat buruk kebanyakan manusia di mana mereka gemar mendakwa sesuatu yang bukan milik mereka. Sekiranya semua dakwaan mereka dituruti, nescaya akan kecohlah sistem kehidupan manusia. Secara tidak langsung ia membayangkan bahawa banyak persengketaan, pergaduhan malah pembunuhan dan peperangan yang berlaku di kalangan manusia membabitkan soal harta benda dan kekayaan.

(2) Untuk menghadapi kes tuntutan dan dakwaan seumpama ini, Islam membawa suatu kaedah kehakiman yang bijaksana iaitu setiap orang yang mendakwa sebarang tuntutan mestilah mengemukakan bukti keterangan menyokong dakwaannya sementara orang yang didakwa pula mestilah bersumpah menafikan tuduhan tersebut.

(3) Agama Islam adalah agama yang adil dan menyelesaikan masalah umatnya secara adil dan saksama.